



Memberikan bantuan imigrasi di Australia

Apakah bantuan imigrasi?

Bantuan imigrasi adalah ketika seseorang menggunakan pengetahuan atau pengalaman dalam prosedur migrasi untuk membantu permohonan visa atau hal-hal visa lain dengan:

- menyediakan, atau membantu menyediakan permohonan visa atau dokumen lain
- memberi nasihat mengenai permohonan visa atau hal-hal visa
- mewakili, atau menyediakan untuk prosiding di hadapan mahkamah atau semakan pihak berkuasa berkaitan hal-hal visa.

Bantuan imigrasi tidak termasuk:

- melakukan kerja perkeranian untuk menyediakan (atau membantu menyediakan) permohonan atau dokumen lain, contohnya mengimbas atau mengirimi dokumen
- menyediakan perkhidmatan terjemahan atau tafsiran
- menasihati seseorang bahawa mereka mesti memohon visa
- menyampaikan maklumat yang dikemukakan oleh orang ketiga, tanpa memberi komen yang betul atau penjelasan mengenai maklumat tersebut.

Siapakah yang boleh memberikan bantuan imigrasi di Australia?

Hanya ejen migrasi berdaftar (registered migration agents), pengamal undang-undang Australia atau orang terkecuali boleh memberi bantuan imigrasi di Australia secara sah.

Ejen migrasi berdaftar

Ejen migrasi yang berdaftar mesti memenuhi keperluan pengetahuan dan tabiat tertentu untuk disenaraikan di Register of Migration Agents yang tersedia di tapak web Office of the Migration Agents Registration Authority (OMARA) www.mara.gov.au

Pengamal undang-undang

Pengamal undang-undang adalah peguam yang memegang sijil pengamal undang-undang Australia. Pengamal undang-undang boleh memberi bantuan imigresen berkaitan amalan undang-undang.

Orang terkecuali

Seseorang dibenarkan untuk memberi bantuan imigresen secara sah sekiranya mereka tidak mengenakan bayaran untuk bantuan tersebut dan merupakan:

- penama, penaja atau ahli keluarga terdekat pemohon visa
- ahli parlimen, anggota misi diplomatik, jawatan konsular atau organisasi antarabangsa
- seseorang yang bertugas di bawah *Public Service Act 1999* atau anggota perkhidmatan awam Negeri atau Wilayah yang memberikan bantuan imigrasi sebagai sebahagian daripada pekerjaan mereka
- seseorang yang memberi bantuan percuma untuk menyediakan penyerahan kepada Menteri.

Maklumat lanjut

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai individu yang dapat memberi bantuan imigrasi di Australia, termasuk cara untuk melaporkan kebimbangan mengenai penyedia bantuan imigresen, sila kunjungi tapak web Department of Home Affairs di halaman '[Who can help you with your application?](#)'.

Ejen pendidikan

Ejen pendidikan bukan orang terkecuali dan tidak boleh memberi bantuan imigrasi di Australia secara sah melainkan mereka juga merupakan ejen migrasi berdaftar atau pengamal undang-undang.

Hukuman bagi memberi bantuan imigrasi haram

Menjadi kesalahan bagi seseorang untuk memberi bantuan imigresen di Australia kecuali individu tersebut

Julai 2021

adalah ejen migrasi berdaftar, pengamal undang-undang atau orang terkecuali.

Hukuman bagi memberi bantuan imigrasi haram boleh dikenakan penjara sehingga 10 tahun.

Melaporkan bantuan imigrasi haram

Mana-mana individu yang memberi bantuan imigrasi haram di Australia hendaklah dilaporkan menggunakan [Border Watch Online Report](#) di tapak web Department of Home Affairs.